

Malaysia A sedia rebut gelaran

-7 DEC 1990

8. Harian (M)



Oleh RAHIME YUSOFF

HARAPAN skuad Malaysia A meraih juara keseluruhan Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, petang ini agak cerah apabila menyenaraikan tujuh pesilat lelaki dan dua wanita ke perlawanan akhir.

Sebaliknya, enam pesilat Indonesia iaitu tiga pesilat lelaki dan tiga wanita menempah tiket ke akhir.

Jurulatih kebangsaan, Mohd Noor Mahmud, berkata walaupun peluang meraih kejuaraan begitu terbuka, setiap pesilat perlu berhati-hati jika mahu matlamat itu menjadi kenyataan.

Katanya, jika Ahmad Wardi Salim (Kelas B) dan Zainal Amat (Bebas) dalam melaksanakan tanggungjawab dengan baik, esok (hari ini) Malaysia A akan menjadi juara mutlak.

Pada Pesta Sukan Brunei, Mac lalu kedua-dua pesilat dikecewakan oleh Sykera dan Wayan Mudra.

"Kami sedar Indonesia tidak menyenarai skuad penuh kali ini, tetapi yang mustahak ialah menjuarai kejuaraan terbuka ini. Jika kita gagal, bermakna peluang mengatasi Indonesia barang kali terlalu perit pada masa depan," jelasnya.

Sejak kejuaraan silat diperkenalkan sejak tahun 1979, Malaysia sering tertinggal di tempat kedua sekalipun Indonesia tidak menyenaraikan skuad penuh.

Mohd Noor berkata, walau-

PERLAWANAN AKHIR PETANG INI

LELAKI: Kelas A — Sharudin Kamaruddin (Mas A) mln Basri Abdul Rahman (Mas B); Kelas B — Ahmad Wardi Salim (Mas A) mln Sykera (Ina); Kelas C — Khairi Abdul Rahman (Mas A) mln Shairuddin Mohd Noor (Mas B); Kelas D — Prastyo (Ina) mln Linhart Edwards (Ast); Kelas E — Kongkai (Tha) mln Wan Adnan Isa (Mas A); Kelas F — Ruzaidi Abdul Rahman (Mas A) mln Minsear Ernin (Bel); Kelas G — Somchai (Tha) mln Andre Mewis (Jer); Kelas H — Azam Haji Abas (Mas B) mln Zakaria Hamzah (Mas A); Kelas I — Mohsin Musa (Mas B) mln Sheik Alauddin Yaacob (Sin); Kelas Bebas — Zainal Amat (Mas A) mln I Wayan Mudra (Ina).

WANITA: Kelas A — Nazrah Latif (Mas A) mln Seti (Ina); Kelas B — Badariah Hosni (Sin) mln Dayang Normalam Pangiran Bakar (Bru); Kelas C — Dahliana (Ina) mln Afiyah Haji Abdul Fadzil (Mas B); Kelas D — Anum Adnan (Mas A) mln Rusma Ya (Mas B); Arie Umasitho (Ina) mln Dayang Nani Suryati Pangiran Hussin (Bru).

pun Malaysia berusaha menyaingi Indonesia dalam perebutan juara, tidak bermakna kita memusuhi mereka.

Katanya, kejuaraan ini bertujuan mengukur kewibawaan pesilat negara dalam rangka persediaan menghadapi Sukan SEA Manila, tahun depan.

"Sekalipun nasib silat pada Sukan SEA nanti masih terumbang-ambing, kami tetap membuat persediaan awal dalam usaha mengimbangi keupayan Indonesia di Manila '91," jelas jurulatih kebangsaan itu.

Mohd Noor berkata, kejayaan dua pesilat utama wanita negara ke perlawanan akhir disi-

fatkan sebagai pembuka tirai kecemerlangan.

Menurutnya, selama ini, pesilat wanita negara begitu tertinggal jauh berbanding keupayaan pesilat wanita Indonesia dan Thailand.

"Saya percaya jika pesilat wanita terus maju skuad kebangsaan pasti dapat menguasai pada kejuaraan antarabangsa," kata Mohd Noor.

Selain itu, enam pesilat Malaysia B tidak ketinggalan bagi meraih kejuaraan yang menawar hadiah wang tunai \$500, kedua \$300 dan dua pemenang ketiga masing-masing menerima \$150.